

27 JUN 2000

Royalti-Mokhtar

ROYALTI MINYAK ATAS DASAR IHSAN, KATA WAN MOKHTAR

KUALA TERENGGANU, 27 Jun (Bernama) -- Bekas Menteri Besar Terengganu Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad hari ini berkata pemberian royalti minyak sebanyak lima peratus setahun kepada Terengganu adalah atas dasar ihsan untuk membangunkan negeri itu yang daif pada ketika itu.

"Ia bukanlah bentuk perjanjian tetapi persefahaman kerana persetujuan dicapai atas dasar ihsan kerajaan pusat," katanya dalam kenyataan yang difakskan ke pejabat media di sini hari ini.

Kenyataan itu sebagai susulan kepada kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam bahawa kerajaan pusat akan mengkaji sama ada peruntukan undang-undang memberi hak kepada Terengganu untuk memperolehi royalti itu.

Wan Mokhtar yang menjadi Menteri Besar Terengganu dari 1974 hingga tewas pada pilihan raya umum tahun lepas, berkata pemberian ihsan itu telah dimeterai melalui dokumen persefahaman yang ditandatangani bagi pihak kerajaan Terengganu dan Tengku Razaleigh Hamzah sebagai Presiden Petronas ketika itu.

Wan Mokhtar berkata semasa beliau dilantik menjadi Menteri Besar, kedudukan kewangan Terengganu semakin terdesak berikutan penutupan lombong bijih di Bukit Besi dan hasil pendapatan lain tidak mencukupi untuk menampung perbelanjaan negeri termasuk membuat sebarang perancangan pembangunan.

"Keadaan ini telah memaksa saya berjumpa dengan pihak kerajaan pusat sebanyak dua kali, pada tahun 1975 dan 1976, semata-mata untuk memohon pinjaman bagi membayar gaji kakitangan kerajaan," katanya.

Menurutnya berdasarkan latar belakang kemiskinan itu, kerajaan pusat melalui Perdana Menteri Tun Abdul Razak bersetuju atas dasar ihsan untuk memberi royalti minyak sebanyak lima peratus setahun bermula tahun 1978 kepada Terengganu supaya negeri itu dapat dibangunkan.

"Kerajaan pusat telah bermurah hati kepada rakyat negeri Terengganu walaupun petroleum tersebut sebenarnya dijumpai di luar kawasan negeri Terengganu. Ini berbeza dengan di Sabah dan Sarawak kerana dalam hal kedua-dua negeri itu petroleum ditemui di dalam zon sempadan kawasan negeri masing-masing," katanya.

Ketua Umno Bahagian Kemaman itu berkata dengan wang royalti itu, kerajaan Barisan Nasional (BN) telah membuat perancangan jangka panjang selama 30 tahun termasuk membangunkan kemudahan infrastruktur, masjid, jambatan, kemudahan air dan elektrik, program pembangunan insan dan pendidikan.

Beliau berkata jumlah royalti itu bergantung kepada harga pasaran dan hasil pengeluaran.

"Oleh itu, dakwaan setiap kali pilihan raya yang mengatakan negeri Terengganu menerima RM500 juta setahun sejak 1978 adalah tidak benar," katanya.

Di KUALA LUMPUR, ketika mengulas mengenai perkara itu, parti Gerakan mencadangkan supaya kerajaan Terengganu dikehendaki mengemukakan cadangan secara terperinci mengenai cara ia berhasrat membelanjakan wang royalti petroleum.

Naib Presiden Gerakan Dr. S. Vijayarajam berkata Kementerian Kewangan kemudian hendaklah mengkaji cadangan itu, mengeluarkan wang berkenaan dan memantau penggunaannya.

"Jumlahnya boleh berubah-ubah bergantung kepada keperluan," katanya.

Beliau bersetuju dengan pendapat Dr Mahathir bahawa kerajaan persekutuan bertanggungjawab untuk memastikan bayaran royalti itu digunakan untuk tujuan pembangunan sahaja terutamanya untuk menghapuskan kemiskinan, bukannya untuk tujuan politik.

-- BERNAMA  
CS NMO